

Umno tidak boleh disekat daripada adakan ceramah kata Mahathir

15 SEP 1984

KOTA BHARU, Jumaat, — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan**, Umno dan Pergerakan Pemuda Umno merasakan dirinya tidak boleh disekat daripada mengadakan perjumpaan dan majlis-majlis ceramah, kalau Pas tidak mematuhi arahan Kerajaan dari berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, Pas, telah mengadakan perjumpaan dan majlis-majlis ceramah, walaupun tidak dibenarkan, mereka ingkar dan tidak mahu patuh kepada perintah Kerajaan supaya tidak diadakan ceramah.

Perjumpaan dan majlis ceramah politik Pas diadakan dengan berse-
lindung sebagai majlis bacaan yasin dan sebagainya.

Beliau mensifatkan cara yang dilakukan oleh para Pemimpin Pas itu sebagai 'menipu' dan memperalatkan agama.

"Sekali lagi mereka menggunakan agama sebagai satu benteng untuk membuat sesuatu kesalahan dari segi undang-undang dan dalam keadaan yang semacam ini, Umno dan Pemuda Umno merasakan dirinya tidak boleh disekat. Kalau Pas tidak mahu mematuhi kepada undang-undang," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir menyebut demikian ketika diminta mengulas kenyataan ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Haji Mustapha Ali bahawa Pas akan

menggunakan pembesaran suara dalam ceramah ceramahnya sebagai tindakan balas terhadap Pergerakan Pemuda Umno Kelantan yang menggunakan pembesaran suara sewaktu menganjurkan 'Malam Sumpah Pemuda' di Pengkalan Chepa tiga hari lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno tidak melanggar arahan (double-standard) dalam hubungan ini, kerana sebabnya Pas telah mengadakan perjumpaan dan ceramah-ceramah, walaupun tidak dibenarkan oleh Kerajaan.

"Umno tidak boleh mematuhi undang-undang kalau pihak polis tidak dapat menahan orang-orang Pas daripada mengadakan ceramah-ceramah politik yang berselindung di sebalik majlis membaca yasin

dan sebagainya. "Kita tahu macam mana polis datang, orang-orang Pas dengan berani berkumpul dan mengancam polis, jadi tidaklah patut kalau polis menahan Umno," tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir menarik perhatian, takbir 'Allah huakhbar' yang selalu dilayangkan oleh para pemimpin dan pengikut-pengikut Pas bukan menyatakan kebesaran Allah, cuma sebagai satu cara untuk menimbulkan kekacauan.

Berselindung

Mereka melakukan demikian bukan dengan niat baik, mereka gunakan perkataan 'Allah huakhbar' sebagai bunyi-bunyan sahaja hengan berselindung di sebalik satu cara hingar-bingar bagi menimbulkan keka-

cauan. di dalam majlis, katanya.

Menurut Perdana Menteri, taktik ini digunakan untuk menvekat pihak polis daripaha menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

"Niat mereka itu bukan untuk menyatakan Allah huakhbar, tetapi sebagai satu alat, ini sebabnya Umno katakan yang Pas memperalatkan agama," uiaarnya.

Sementara itu ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disambut oleh kira-kira 5,000 orang para pemimpin Umno, pegawai Kerajaan dan anggota Kemas setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini, pagi ini.

Beliau diiringi oleh Setiausaha Agung Umno Malaysia, Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Ketua Penerangan Umno Malaysia, Haji Hussein Ahmad.

Presiden Umno Malaysia itu adalah dalam siri lawatan ke seluruh negara bagi menemui para pemimpin Umno khususnya ahli-ahli jawatan kuasa Badan Perhubungan Umno Negeri.

Turut menyambut beliau, ialah Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Yaakob dan Timbalannya Haji Ariffin Said.